

PRAKTIS 8 Drama Hadiah

Soalan 1 – 4 berdasarkan petikan drama di bawah ini.

HAYATI: Di sekolah pun Yati sudah memberitahu Guru Besar, tuk. Beliau telah berjanji untuk menolong Yati.
 PAK MAIL: Baguslah, Yati. Moga-moga Tuhan akan menolong kita.
 FAUZIAH: Pergilah masuk, Yati. Tukar pakaian itu. Kalau engkau lapar, nasi ada di dapur.
 HAYATI: Mak dan datuk sudah makan?
 FAUZIAH: Datuk kamu sudah makan tadi. Kalau kamu nak makan, makanlah dulu. Mak akan makan kemudian.
 ARAHAN: (HAYATI masuk membawa begnya ke dalam.)
 PAK MAIL: Beginilah hidup kita di dunia, Fauziah. Segala-galanya dalam kuasa Tuhan. Ada isteri yang kehilangan suami. Ada anak yang kehilangan bapa. Kita menganggap bahawa kitalah orang yang paling malang di dunia tetapi yang sebenarnya ada orang yang lebih malang daripada kita.
 FAUZIAH: (Sedih) Entahlah, ayah. Saya ... saya tidak tahu apa nak buat lagi.
 PAK MAIL: Kematian Akhbar menyebabkan engkau kehilangan suami. Aku kehilangan menantu. Hayati dan Farid pula kehilangan bapa. Akhbar tidak sempat melihat anaknya yang bongsu, Farid tetapi kita harus berbangga kerana kematiannya itu sebagai seorang pahlawan. Sekarang, kita haruslah berani mewarisi kehidupan yang ditinggalkannya.

(Dipetik daripada drama 'Hadiah' oleh Aripin Said, antologi *Ku Ingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

1
KLON
PST

Selepas kematian suaminya, Fauziah kebingungan untuk berbuat apa-apa

Peribahasa yang paling sesuai untuk menggambarkan situasi di atas ialah

- A bagai kaca terhempas ke batu.
- B bagai kucing kehilangan anak.
- C sediakan payung sebelum hujan
- D ditelan mati emak, diluah mati bapa

2 Berikut merupakan kesan kematian Akhbar terhadap keluarga Fauziah, kecuali

- A Fauziah dan Farid kehilangan bapa.
- B Hayati terpaksa berhenti belajar.
- C Fauziah mengalami kesedihan.
- D Pak Mail kehilangan menantu.

3
KLON
PST

Yang berikut merupakan perwatakan Hayati, kecuali

- A tabah.
- B menghormati orang tua.
- C tidak mementingkan diri.
- D tidak dapat menerima kenyataan.

4 Berdasarkan petikan, apakah usaha-usaha yang dilakukan supaya Hayati dapat meneruskan persekolahannya?

- A Hayati akan mencari pekerjaan
- B Pak Mail akan bertemu dengan Datuk Penghulu untuk meminta bantuan
- C Hayati berterus terang dengan guru besar dan beliau akan cuba membantu Hayati.
- D Fauziah akan mencari pekerjaan untuk menampung yuran persekolahan Hayati

PRAKTIS 9 Petikan Umum

Soalan 1 – 4 berdasarkan petikan umum di bawah ini.

Kementerian Pendidikan Malaysia merencanakan “Sekolah Selamat” sebagai situasi atau persekitaran tempat seseorang murid itu dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti harian di sekolah dalam keadaan yang aman dan harmoni tanpa gangguan. Selain itu, risiko kemalangan berada pada tahap yang paling minimum.

Sebenarnya peratus kejadian yang tidak diingini adalah kecil berbanding dengan jumlah murid dan sekolah yang ada di negara kita. Namun jika tidak dipantau dan ditangani secara bijaksana, kejadian yang tidak diingini ini boleh menjadi *barah yang akan merosakkan* generasi muda. Selain itu, hal ini dapat juga diumpamakan seperti “api dalam sekam” jika dibiarkan. Apatah lagi jika tiada tindakan diambil secara bersungguh-sungguh.

Sesungguhnya, pembentukan sekolah yang selamat memerlukan sokongan dan penglibatan pelbagai pihak. Pembentukan “Sekolah Selamat” tidak akan berlaku jika hanya pihak sekolah sahaja yang mengawal pergerakan murid di dalam dan di luar kawasan sekolah. Masyarakat luar tidak boleh bersikap pentingkan diri, manakala ibu bapa tidak boleh melenting jika anak mereka ditegur oleh orang lain sekiranya mereka melakukan sesuatu kesalahan.

Oleh itu, pihak sekolah perlu berusaha merapatkan hubungan dengan masyarakat luar. Sebagai langkah awal, perlulah diwujudkan jawatankuasa “Sekolah Selamat” di peringkat daerah dan sekolah. Tujuannya adalah untuk membincangkan dan mengatur rancangan untuk mewujudkan fenomena sekolah yang selamat.

- | | |
|---|--|
| <p>1 Maksud rangkai kata <i>barah yang akan merosakkan</i> ialah</p> <ul style="list-style-type: none">A kritikan yang tidak membina.B musuh yang akan membalas dendam.C ancaman bahaya dalam masa panjang.D kecaman yang boleh menyebabkan kerosakkan. <p>2 Apakah tujuan “Sekolah Selamat”?</p> <ul style="list-style-type: none">A Melatih murid mempertahankan diri daripada musuhB Mewujudkan persekitaran sekolah yang aman daripada sebarang gangguanC Menjauhkan murid daripada perbuatan yang tidak elokD Mendidik murid supaya pandai menjaga keselamatan | <p>3 Apakah halangan untuk merealisasikan “Sekolah Selamat”?</p> <ul style="list-style-type: none">A Pihak sekolah mengawal muridB Masyarakat turut memantau kelakuan remajaC Kesukaran untuk mendapatkan kerjasama daripada semua pihakD Ibu bapa tidak melenting apabila anak-anak mereka ditegur <p>4 Pihak sekolah perlu merapatkan hubungan dengan masyarakat luar supaya</p> <ul style="list-style-type: none">A boleh memantau kegiatan murid.B dapat bertanya ibu bapa tentang rakan-rakan anak mereka.C murid-murid berasa lebih terjamin akan keselamatan mereka.D dapat membincangkan rancangan untuk mewujudkan fenomena sekolah yang selamat. |
|---|--|